



# LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

*Malaysian Palm Oil Board*

Kementerian Industri Utama  
(Ministry of Primary Industries)

Ruj. Tuan / Your Ref :

Ruj. Kami / Our Ref :

(11)04/C/PD/656/4 Jil. 5

27 Disember 2019

**Pk (EL) MPOB 02/2019**

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit  
Semua Pemegang Lesen Kategori Estet  
Semua Pemegang Lesen Kategori Kebun Kecil

Tuan/ Puan,

**PENGUATKUASAAN TAMBAHAN KRITERIA PERMOHONAN LESEN DAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF), ESTET (ET) DAN KEBUN KECIL (SH): MANDATORI PENSIJILAN MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA (MSPO)**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan mengenai perkara tersebut diatas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-105 yang telah diadakan pada 24 Julai 2019 telah meluluskan tambahan Kriteria Permohonan Lesen dan Syarat Lesen berkaitan pensijilan MSPO serta pematuhan kehendak dan keperluan yang terkandung dalam piawaian MSPO yang akan dikenakan ke atas kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Estet (ET) dan Kebun Kecil (SH).

3. Sehubungan itu, Lembaga akan menguatkuasakan kriteria dan syarat lesen seperti yang diperincikan di dalam Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2019 (Pk (EL) MPOB 02/2019) mulai 1 Januari 2020.

4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2019 (Pk (EL) MPOB 02/2019) bagi mengelak tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

  
**DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR**  
Ketua Pengarah, MPOB



- s.k
- i. Pengerusi MPOB
  - ii. Setiausaha Bahagian Kanan,  
Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS) MPI
  - iii. Setiausaha Eksekutif MPOA
  - iv. Setiausaha Eksekutif POMA
  - v. Setiausaha Eksekutif PORAM
  - vi. Setiausaha Eksekutif MEOMA
  - vii. Setiausaha Eksekutif EMPA
  - viii. Setiausaha Eksekutif NASH
  - ix. Setiausaha Eksekutif MEOA
  - x. Setiausaha Eksekutif SOPPOA
  - xi. Setiausaha Eksekutif ISP
  - xii. Setiausaha Eksekutif MOPDA

**TAMBAHAN KRITERIA BAGI PERMOHONAN LESEN DAN SYARAT LESEN BAGI KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF), ESTET (ET) DAN KEBUN KECIL (SH): MANDATORI PENSIJILAN MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA (MSPO)**

**TAMBAHAN KRITERIA LESEN:**

1. KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF)
2. KATEGORI ESTET (ET); DAN
3. KATEGORI KEBUN KECIL (SH)

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2020

"Pemegang lesen diberi tempoh enam (6) bulan dari tarikh lesen diluluskan untuk mempunyai pensijilan \*Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga."

\* Nota: Malaysian Standard MS 2530 akan ditentukan mengikut kategori lesen, contoh:

- 1) Malaysian Standard MS 2530-2 untuk Kebun Kecil (SH);
- 2) Malaysian Standard MS 2530-3 untuk Estet (ET); dan
- 3) Malaysian Standard MS 2530-4 untuk Kilang Buah Kelapa Sawit (MF)

**TAMBAHAN KRITERIA BAGI PERMOHONAN LESEN DAN SYARAT LESEN BAGI KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF), ESTET (ET) DAN KEBUN KECIL (SH): MANDATORI PENSIJILAN MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA (MSPO)**

**TAMBAHAN SYARAT LESEN:**

**KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF)**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2020

- 1) "Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak dan keperluan yang terkandung dalam piawaian Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO) di bawah Malaysian Standard MS 2530-4 terkini atau mana-mana standard yang ditentukan oleh Lembaga dan mendapat pengesahan dan perakuan daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga."

dan

- 2) "Pemegang lesen dikehendaki mempunyai pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga."

**TAMBAHAN KRITERIA BAGI PERMOHONAN LESEN DAN SYARAT LESEN BAGI KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF), ESTET (ET) DAN KEBUN KECIL (SH): MANDATORI PENSIJILAN MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA (MSPO)**

**TAMBAHAN SYARAT LESEN:**

**KATEGORI ESTET (ET)**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2020

- 1) "Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak dan keperluan yang terkandung dalam piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) di bawah Malaysian Standard MS 2530-3 terkini atau mana-mana standard yang ditentukan oleh Lembaga dan mendapat pengesahan dan perakuan daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga."

dan

- 2) "Pemegang lesen dikehendaki mempunyai pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga."

**TAMBAHAN SYARAT LESEN:**

**KATEGORI KEBUN KECIL (SH)**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Julai 2020

- 1) "Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak dan keperluan yang terkandung dalam piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) di bawah Malaysian Standard MS 2530-2 terkini atau mana-mana standard yang ditentukan oleh Lembaga dan mendapat pengesahan dan perakuan daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga."

dan

- 2) "Pemegang lesen dikehendaki mempunyai pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga."



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling : Pk(EL)MPOB 02/2019  
Tarikh Kuatkuasa : 1 Januari 2020  
Perkara : **PENGUATKUASAAN TAMBAHAN KRITERIA PERMOHONAN LESEN DAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF), ESTET (ET) DAN KEBUN KECIL (SH): MANDATORI PENSIJILAN MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA (MSPO)**

## 1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) sebagai tambahan kriteria permohonan lesen dan syarat lesen ke atas pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Estet (ET), dan Kebun Kecil (SH).

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pensijilan MSPO telah digubal dengan mengambil kira undang-undang dan peraturan-peraturan dalam negara termasuklah kriteria kemampunan. Langkah ini adalah bertujuan untuk meningkatkan imej minyak sawit negara dari perspektif kemampunan di samping memenuhi permintaan pasaran bagi minyak sawit yang disijilkan.
- 2.2 Skim MSPO juga membentuk sebahagian daripada strategi untuk menangani beberapa isu berkaitan yang memberi impak kepada industri kelapa sawit terutamanya mengenai kelestarian alam sekitar dan keprihatinan terhadap pembangunan sosio-ekonomi. Skop MSPO mencakupi piawai menyeluruh bagi industri kelapa sawit termasuk untuk menangani pertikaian yang sebahagiannya berupa spekulasi, tohmahan dan tuduhan tanpa asas kukuh yang telah dilemparkan beberapa buah badan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa sejak dekad 1990-an lagi. Antara perkara yang dibangkitkan dalam konteks ini ialah risiko penyahhutan, penyusutan biodiversiti, kehilangan peranan ekologi dan pelanggaran hak penduduk peribumi.
- 2.3 Pelaksanaan pensijilan MSPO, yang bermula pada 1 Januari 2015 hingga kini adalah secara sukarela. Susulan daripada itu, pada 24 Februari 2017, Kerajaan telah mengumumkan garis masa yang dicadangkan untuk pematuhan mandatori pensijilan MSPO khususnya bagi kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Estet

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

(ET) dan Kebun Kecil (SH). Pematuhan mandatori pensijilan MSPO bertujuan untuk meningkatkan industri kelapa sawit kepada standard global. Pensijilan MSPO akan dijadikan mandatori kepada pihak industri kelapa sawit negara khususnya kategori MF, ET dan SH secara berperingkat bermula 1 Januari 2020.

- 2.4 Bagi memastikan industri kelapa sawit Malaysia terus berkembang maju dan berdaya saing, semua pihak dalam rantai pengeluaran minyak sawit hendaklah berusaha dan komited untuk meningkatkan kualiti pengeluaran minyak sawit Malaysia bagi kebaikan industri kelapa sawit negara bagi jangka masa panjang.
- 2.5 Hasil daripada konsultasi bersama industri, suatu pendekatan telah diambil dengan memutuskan bahawa tambahan kriteria permohonan lesen dan suatu peruntukan undang-undang iaitu menambah syarat yang dikenakan pada lesen bagi kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Estet (ET) dan Kebun Kecil (SH) perlu dilaksanakan untuk kebaikan industri kelapa sawit negara bagi jangka masa panjang dan memberi impak yang maksima.
- 2.6 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-105 yang telah diadakan pada 24 Julai 2019 telah memutuskan untuk menambah kriteria permohonan lesen dan syarat lesen yang dikenakan ke atas Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Estet (ET), dan Kebun Kecil (SH).

**3.0 PENGUATKUASAAN KRITERIA DAN SYARAT LESEN**

- 3.1 Lembaga akan menguatkuasakan kriteria permohonan lesen dan syarat lesen yang dikenakan ke atas Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Estet (ET), dan Kebun Kecil (SH) seperti di Lampiran 1 dan Lampiran 2.
- 3.2 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 (Peraturan Pelesenan) memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar syarat-syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
- 3.3 Ketidakpatuhan yang berterusan ke atas kehendak dan keperluan yang terkandung dalam piawaian MSPO serta kegagalan untuk mendapatkan pensijilan MSPO juga boleh menyebabkan sesuatu lesen digantung, dibatalkan atau tidak diperbaharui sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 15 Peraturan Pelesenan.

BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

**4.0 PEMAKAIAN**

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2019 [Pk (EL) MPOB 02/2019] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Estet (ET), dan Kebun Kecil (SH).

**5.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2020**.

**6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN**

**DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR**  
Ketua Pengarah  
MPOB

Tarikh: *27 DISember 2019*

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>